

**ANALISIS ASPEK KOHESI DAN KOHEREN DALAM CERPEN
KOMPONEN SASTERA BERDASARKAN
MODEL FAIRCLOUGH**

AEFIQAH BINTI GITIN

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti aspek kohesi dan koheren dan perbandingan kekuatan dan kelemahannya dalam cerpen *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul* menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif deskriptif dengan kaedah analisis dokumen oleh pengkaji sebagai sampel. Kajian analisis dan kepustakaan dilaksanakan di Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI, Perpustakaan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Perpustakaan Sekolah Menengah Kebangsaan sekitar Tanjung Malim. Analisis Wacana Kritis diaplikasikan dalam bahan sastera untuk melihat kekuatan dan kelemahan teks dari aspek kohesi dan koheren berpandukan model Fairclough. Lapan bahagian dalam aspek kohesi dan koheren telah digunakan dalam analisis teks cerpen. Dapatan kajian menunjukkan cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” memperoleh unit aspek kohesi dan koheren yang tertinggi iaitu berjumlah 98 unit berbanding 91 unit bagi cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul”. Implikasi kajian menjurus kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), guru dan pengkaji lain supaya menerapkan hasil kajian ini dalam penggubalan buku-buku komponen sastera. Kesimpulannya, aspek kohesi dan koheren adalah penting kepada pihak KPM, guru dan penyelidik untuk dikaji dari semasa ke semasa demi melonjakkan kelestarian penggunaan wacana dalam pengajaran Bahasa Melayu.





ANALYSIS OF COHESION AND COHERENCE ASPECTS IN SHORT STORIES OF LITERARY COMPONENT BASED ON FAIRCLOUGH MODEL

ABSTRACT

This study is aimed to identify cohesion and coherence aspects and the comparison between strengths and weaknesses of *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul* short stories using Critical Discourse Analysis by Fairclough model. This study is based on descriptive qualitative with the method of document analysis by researcher as a sample. Data analysis and literature is carried out at Tuanku Bainun Library of UPSI, Library of Kementerian Pendidikan Malaysia and the National Secondary School Library around Tanjung Malim. Critical Discourse Analysis is applied in literary materials to see the strengths and weaknesses of the texts in terms of cohesion and coherence based on the Fairclough model. Eight sections in cohesion and coherence aspects have been used in the analysis of short stories. The findings show that "Kaduk, Ayam dan Raja" short stories gain the highest units of cohesion and coherence as 98 units compared to 91 units for short stories "Jaket Kulit Kijang dari Istanbul". The implications of the study are more into Ministry of Education Malaysia (MOE), teachers and other researchers to apply the results of this study in the formatioan of literary component books. In conclusion, the cohesion and coherence aspects are important to MOE, teachers and researchers to be reviewed from time to time in order to improve the sustainability of discourse in Malay Language teaching.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xi

SENARAI RAJAH xiii

SENARAI LAMPIRAN xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.3 Pernyataan Masalah 6

1.4 Objektif Kajian 11

1.5 Soalan Kajian 12

1.6 Kerangka Teoritikal Kajian 13

1.7 Kerangka Konseptual Kajian 15

1.8 Kepentingan Kajian 16

1.9 Batasan Kajian 20



| | | |
|------|----------------------|----|
| 1.10 | Definisi Operasional | 21 |
| 1.11 | Rumusan | 29 |

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | | |
|---------|--|----|
| 2.1 | Pendahuluan | 30 |
| 2.2 | Teori Wacana | 31 |
| 2.3 | Genre Cerpen | 33 |
| 2.4 | Komponen Sastera dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu | 34 |
| 2.5 | Kajian Lepas | 35 |
| 2.5.1 | Kajian Analisis Wacana Kritis | 36 |
| 2.5.2 | Kajian Kohesi dan Koheren | 41 |
| 2.5.2.1 | Kajian Kohesi | 47 |
| 2.5.2.2 | Kajian Koheren | 55 |
| 2.5.3 | Kajian Analisis Penulisan | 57 |

BAB 3 METODOLOGI

| | | |
|-------|---------------------------|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 60 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 61 |
| 3.3 | Kaedah Kajian | 63 |
| 3.3.1 | Analisis Dokumen | 63 |
| 3.4 | Sampel Kajian | 64 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 65 |
| 3.6 | Prosedur Pengumpulan Data | 67 |
| 3.7 | Kaedah Analisis Data | 68 |
| 3.8 | Penganalisan Data | 71 |

| | | |
|-----|---------|----|
| 3.9 | Rumusan | 96 |
|-----|---------|----|

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-----|-------------|----|
| 4.1 | Pendahuluan | 97 |
|-----|-------------|----|

| | | |
|-----|----------------|----|
| 4.2 | Dapatan Kajian | 98 |
|-----|----------------|----|

| | | |
|-------|-----------------------|----|
| 4.2.1 | Soalan Kajian Pertama | 98 |
|-------|-----------------------|----|

| | | |
|---------|---|----|
| 4.2.1.1 | Analisis Aspek Kohesi dalam Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” | 99 |
|---------|---|----|

| | | |
|---------|---|-----|
| 4.2.1.2 | Analisis Aspek Kohesi dalam Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 110 |
|---------|---|-----|

| | | |
|-------|---------------------|-----|
| 4.2.2 | Soalan Kajian Kedua | 123 |
|-------|---------------------|-----|

| | | |
|---------|--|-----|
| 4.2.2.1 | Analisis Aspek Koheren Dalam Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” | 124 |
|---------|--|-----|

| | | |
|---------|--|-----|
| 4.2.2.2 | Analisis Aspek Koheren dalam Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 139 |
|---------|--|-----|

| | | |
|-------|----------------------|-----|
| 4.2.3 | Soalan Kajian Ketiga | 156 |
|-------|----------------------|-----|

| | | |
|---------|---|-----|
| 4.2.3.1 | Kekuatan dan Kelemahan Aspek Kohesi dalam Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” | 156 |
|---------|---|-----|

| | | |
|---------|---|-----|
| 4.2.3.2 | Kekuatan dan Kelemahan Aspek Kohesi dalam Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 160 |
|---------|---|-----|

| | | |
|-------|-----------------------|-----|
| 4.2.4 | Soalan Kajian Keempat | 163 |
|-------|-----------------------|-----|

| | | |
|---------|--|-----|
| 4.2.4.1 | Kekuatan dan Kelemahan Aspek Koheren dalam Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” | 163 |
|---------|--|-----|

| | | |
|---------|--|-----|
| 4.2.4.2 | Kekuatan dan Kelemahan Aspek Koheren dalam Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 167 |
| 4.2.5 | Soalan Kajian Kelima | 169 |
| 4.2.5.1 | Perbandingan Kekuatan Aspek Kohesi antara Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” dan “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 169 |
| 4.2.5.2 | Perbandingan Kelemahan Aspek Kohesi antara Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” dan “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 174 |
| 4.2.6 | Soalan Kajian Keenam | 177 |
| 4.2.6.1 | Perbandingan Kekuatan Aspek Koheren antara Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” dan “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 177 |
| 4.2.6.2 | Perbandingan Kelemahan Aspek Koheren antara Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” dan “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 182 |
| 4.3 | Rumusan | 185 |

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

| | | |
|-----|----------------|-----|
| 5.1 | Pendahuluan | 186 |
| 5.2 | Rumusan Kajian | 187 |
| 5.3 | Perbincangan | 190 |
| 5.4 | Implikasi | 201 |
| 5.5 | Cadangan | 203 |

| | | |
|-----|---------|-----|
| 5.6 | Rumusan | 206 |
|-----|---------|-----|

| | |
|----------------|-----|
| RUJUKAN | 207 |
|----------------|-----|

| | |
|-----------------|--|
| LAMPIRAN | |
|-----------------|--|

SENARAI JADUAL

| No. Jadual | | Muka Surat |
|------------|---|------------|
| 3.1 | Analisis Aspek Kohesi | 66 |
| 3.2 | Analisis Aspek Koheren | 66 |
| 3.3 | Prosedur Pengumpulan Data | 67 |
| 3.4 | Cara Analisis Data | 68 |
| 3.5 | Analisis Tematik berdasarkan aspek Kohesi dalam Cerpen | 70 |
| 3.6 | Analisis Tematik berdasarkan aspek Koheren dalam Cerpen | 70 |
| 3.7 | Pengekodan Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” | 71 |
| 3.8 | Pengekodan Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 79 |
| 4.1 | Jadual Analisis Tematik berdasarkan Aspek Kohesi setiap Ayat bagi Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” | 109 |
| 4.2 | Jadual Analisis Tematik berdasarkan Aspek Kohesi setiap Unit bagi Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” | 111 |
| 4.3 | Jadual Analisis Tematik berdasarkan Aspek Kohesi setiap Ayat bagi Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 121 |
| 4.4 | Jadual Analisis Tematik berdasarkan Aspek Kohesi setiap Unit bagi Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 123 |
| 4.5 | Jadual Analisis Tematik berdasarkan Aspek Koheren setiap Ayat bagi Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” | 134 |
| 4.6 | Jadual Analisis Tematik berdasarkan Aspek koheren setiap Unit bagi Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” | 138 |



| | | |
|------|---|-----|
| 4.7 | Jadual Analisis Tematik berdasarkan Aspek Koheren setiap Ayat bagi Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 151 |
| 4.8 | Jadual Analisis Tematik berdasarkan Aspek koheren setiap Unit bagi Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 155 |
| 4.9 | Kekuatan dan Kelemahan Aspek Kohesi dalam Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” | 157 |
| 4.10 | Kekuatan dan Kelemahan Aspek Kohesi dalam Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 160 |
| 4.11 | Kekuatan dan Kelemahan Aspek Koheren dalam Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” | 163 |
| 4.12 | Kekuatan dan Kelemahan Aspek Koheren dalam Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 167 |
| 4.13 | Perbandingan Jumlah Unit Aspek Kohesi antara Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” dan Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul | 170 |
| 4.14 | Perbandingan Kekuatan Aspek Kohesi antara Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” dan Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 171 |
| 4.15 | Perbandingan Kelemahan Aspek Kohesi antara Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” dan “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 174 |
| 4.16 | Perbandingan Jumlah Unit Aspek Koheren antara Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” dan Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 177 |
| 4.17 | Perbandingan Kekuatan Aspek Koheren antara Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” dan “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 178 |
| 4.18 | Perbandingan Kelemahan Aspek Koheren antara Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” dan “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” | 183 |



SENARAI RAJAH

| No. Rajah | | Muka Surat |
|-----------|---|------------|
| 1.1 | Analisis Wacana Kritis (Fairclough, 2003) untuk Cerpen KOMSAS | 14 |
| 1.2 | Kerangka Konseptual Kajian | 15 |

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat pengesahan menjalankan kajian di sekolah menengah sekitar Tanjung Malim daripada Kementerian Pendidikan Malaysia
- B Surat pengesahan menjalankan kajian di sekolah menengah sekitar Tanjung Malim daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak
- C Cerpen "Kaduk, Ayam dan Raja" dan cerpen "Jaket Kulit Kijang dari Istanbul"

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan sepuluh subtopik utama iaitu latar belakang kajian, permasalahan kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kerangka teoretikal kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi operasional. Dalam latar belakang kajian, pengkaji akan menerangkan



pengenalan terhadap topik yang akan dibincangkan pada bab ini. Seterusnya dalam pernyataan masalah, pengkaji akan menerangkan permasalahan yang timbul sehingga mendorong pengkaji untuk mengkaji topik ini. Pengkaji juga telah menetapkan tiga objektif kajian ini diikuti dengan soalan kajian untuk dijawab dalam perbincangan kelak. Dalam batasan kajian, pengkaji akan menjelaskan sampel kajian yang digunakan. Pengkaji juga akan mengemukakan kerangka teoritikal kajian dan kerangka konseptual kajian dalam bab ini. Kemudian, pengkaji akan menerangkan secara terperinci istilah-istilah penting berkaitan dengan kajian dalam definisi operasional.



Pendidikan merupakan satu agenda utama yang boleh mempengaruhi kualiti dan ketamadunan sesuatu bangsa di dunia. Pendidikan mampu mendidik manusia berfikiran rasional, bebas, baik dan mampu menyelesaikan masalah dengan berkesan (Abdul Fatah Hassan, 2003). Manusia dianggap mundur sekiranya hidup tanpa pendidikan. Individu dan keluarga yang berilmu serta meletakkan ilmu sebagai cara hidup akan membuat satu keputusan yang mudah dan tepat (Wan Hassan, 2007).

Kewujudan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menjadikan sistem pendidikan negara lebih terkehadapan dengan mengungkapkan secara jelas prinsip dan nilai asas yang mendasari dan membentuk sistem pendidikan Malaysia daripada peringkat yang paling rendah hingga peringkat tertinggi iaitu universiti. FPK telah





menjelaskan tujuan dan matlamat pendidikan untuk individu serta negara. Kedua-dua tujuan tersebut selaras, iaitu untuk melahirkan insan yang berilmu, berakhlak mulia dan bertanggungjawab yang juga menjadikan seorang warganegara yang baik. Dalam proses pendidikan, manusia mengembangkan semua potensi yang ada merangkumi potensi akal, jasmani atau tingkah laku dan rohani (Sufean Hussin, 2005). Pendidikan juga merupakan proses asas dan utama untuk pembinaan insan yang baik, seimbang serta bersepadu yang secara langsung merupakan saluran utama yang paling penting untuk menjayakan hasrat dan cita-cita negara.

Satu konsep asas yang terkandung dalam FPK ialah ilmu, nilai ilmu dan peranan ilmu dalam pembangunan insan serta masyarakat. Nilai ilmu terletak pada kebenaran kandungan yang berfungsi bukan sekadar untuk memaklumkan dan menerangkan kepada manusia akan sesuatu sahaja, malah lebih penting lagi ilmu mempengaruhi, mengubah manusia dan masyarakat manusia. Pendidikan adalah suatu proses dan aktiviti sepanjang hayat dan manusia sentiasa berada dalam keadaan memerlukan perluasan, pedalaman dan pengesahan kepada ilmu yang ada. Fungsi ilmu yang boleh mengubah manusia dan masyarakat ini yang menjadikan mereka berbeza antara satu sama lain dari sudut pengetahuan. Melalui pendidikan yang dimiliki, panduan dan bimbingan untuk membina kehidupan yang sejahtera dan menghadapi cabaran arus globalisasi yang bersifat universal dapat diperoleh individu (Sufean Hussin, 2005).

Setara dengan kemajuan sistem pendidikan negara, kurikulum sekolah juga telah mengalami perubahan demi meningkatkan mutu pendidikan dari masa ke masa. Kurikulum baru yang dirangka berdasarkan tanda aras antarabangsa. Pada tahun 2017,





Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) merupakan usaha untuk melonjak sistem pendidikan negara. Kurikulum tersebut adalah untuk memastikan murid yang dilahirkan oleh sistem persekolahan di negara ini memiliki kemahiran yang diperlukan untuk bersaing pada peringkat global. KSSM merangkumi dimensi intelek, emosi, fizikal murid, dan menekankan aplikasi pengetahuan. Selain itu, KSSM juga menekankan aplikasi pengetahuan serta perkembangan pemikiran kritis, kreatif, dan inovasi selain memberikan peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan kurikulum. Pengenalan kurikulum baru ini juga selaras dengan pemansuhan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang lepas iaitu mulai tahun 2014. Tujuan transformasi ini adalah untuk membuat penambahbaikan kurikulum sedia ada agar setiap murid memperoleh pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang relevan dengan keperluan serta cabaran di abad ke-21.



Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah telah digubal berdasarkan penggunaan bahasa yang merangkumi tiga bidang utama, iaitu interpersonal, bidang maklumat, dan bidang estetika (Kementerian Pendidikan Malaysia-KPM, 2000). Tumpuan terhadap tiga bidang tersebut bertujuan membolehkan murid menggunakan Bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian, bidang kerjaya, seterusnya sebagai bahasa ilmu yang dapat dimanfaatkan sepanjang hidup. Bidang estetika merupakan salah satu daripada tiga bidang utama dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hasil pembelajaran khusus yang perlu dicapai untuk memahami, menguasai, menghasilkan penulisan kreatif, dan bukan kreatif dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu (Zuraini Mat Jasin & Abdul Sukor Shaari, 2012).





Komponen Kesusasteraan Melayu (KOMSAS) telah dimasukkan dalam perubahan sukatan ini untuk memupuk, melahirkan minat membaca, dan menghayati bahan sastera. Penerapan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu telah diperkenalkan semenjak tahun 2000. Kepentingan signifikan pembelajaran KOMSAS adalah untuk melahirkan modal insan berminda kelas pertama. KOMSAS digunakan sebagai satu pendekatan dalam meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar. Pusat Perkembangan Kurikulum (2003) dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu daripada tingkatan 1 hingga 5 menyatakan bahawa, “melalui KOMSAS, diharapkan minat membaca, keseronokan membaca, dan penghayatan terhadap bahan sastera dapat dipupuk”. Memandangkan pembelajaran bahasa Melayu menitikberatkan kemahiran berbahasa serta aplikasinya dalam kehidupan, KOMSAS merupakan bahagian lain pembelajaran bahasa yang bukan sahaja mengetengahkan pembelajaran kemahiran berbahasa, malah memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran tersebut.

Pengajaran Kesusasteraan Melayu sebagai satu Komponen Sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bukan hanya di sekolah menengah sahaja, malah mula diajar di sekolah rendah juga. Matlamat pengajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah adalah untuk melengkapkan murid dengan ilmu sastera agar dapat menghayati, menghargai, mencintai, dan membangunkan bahasa dan sastera Melayu dalam pendidikan. Selain itu, pengajaran tersebut juga mampu dijadikan sebagai kerjaya ke arah pemantapan cita rasa santera dalam kalangan masyarakat. Hal ini sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Aspek sastera memainkan peranan penting dalam pembinaan Bahasa Melayu dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Matlamat



pendidikan bahasa dalam aspek pengajaran dan pembelajaran adalah untuk memberikan kemahiran bahasa yang seoptimum mungkin kepada murid. Sehubungan itu, murid juga dapat memperoleh pengetahuan lain yang pelbagai dengan wadah kemahiran bahasa. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa, karya sastera juga paling sesuai dijadikan bahan pengajaran sebagai matalamat penguasaan kemahiran bahasa.

Oleh itu, dalam memperkasakan bahan KOMSAS, sama ada untuk pengajaran dengan pembelajaran, model wacana kritis perlu dijadikan penelitian oleh sarjana pendidik. Penelitian perlu menjurus kepada kepentingannya ke arah pengukuhan dan pemanfaatan bahan KOMSAS kepada guru dan murid.

1.3 Pernyataan Masalah

Komponen Sastera (KOMSAS) merupakan sebahagian daripada mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat sekolah rendah dan menengah. Dalam kandungan sukatan pelajaran Bahasa Melayu, KOMSAS dikategorikan sebagai aspek estetika yang perlu dipelajari murid. Oleh sebab KOMSAS terdapat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, aspek bahasa perlu dititikberatkan oleh pendidik. Dalam pembelajaran KOMSAS bahan yang digunakan oleh murid dan guru ialah buku antologi. Dalam buku antologi ini, murid akan didedahkan dengan pelbagai genre cerpen, drama, dan puisi. Dalam pembelajaran KOMSAS, murid akan didedahkan lagi dengan pelbagai aspek gaya bahasa, pengajaran, persoalan, nilai, watak dan perwatakan. Namun,



pelbagai aspek tersebut hanya menjurus kepada ciri sastera. Aspek bahasa juga perlu dititikberatkan dalam bahan sastera yang terkandung dalam komponen sastera mata pelajaran ini. Salah satu bahagian yang perlu dilihat dari aspek bahasa ialah cerpen. Cerpen merupakan cerita pendek dan turut menjadi penulisan murid dalam bahagian karangan. Oleh itu, penggunaan aspek kohesi dan koheren dalam cerpen perlu diteliti. Selain menjadi bahan pembelajaran sastera kepada murid, cerpen dalam KOMSAS juga boleh menjadi rujukan kepada murid tentang penggunaan kohesi dan koheren. Marohaini (2001), berpendapat bahawa penggunaan bahan sastera mampu membekalkan murid bahan yang mudah difahami, menarik, dan asli untuk tujuan pendidikan bahasa.

Penggunaan wacana dalam penulisan terutamanya Bahasa Melayu juga penting bagi menghasilkan penulisan yang berkualiti tinggi. Murid sekolah rendah mahupun sekolah menengah seharusnya perlu tahu sedikit sebanyak akan fungsi dan seterusnya dapat mengaplikasikan wacana ini pada tempat yang sewajarnya. Kegagalan murid mempelajari sedikit sebanyak tentang wacana juga boleh menyebabkan kegagalan dalam menghasilkan sebuah penulisan yang kritis. Wacana bukan sesuatu yang boleh dipandang ringan dan remeh oleh murid, malah perlu dipelajari dan dikuasai bersesuaian dengan tahap mereka. Latihan berterusan sama ada bertulis mahupun pembacaan perlu ditekankan kepada murid. Penekanan ini perlu diterapkan sejak dari bangku sekolah rendah lagi agar mereka dapat menguasai sepenuhnya sehingga mereka dapat mengaplikasinya sampai ke tahap menara gading dan ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Bahasa Melayu dapat dikategorikan sebagai suatu bahasa yang indah dan unik. Hal ini kerana ayat-ayat yang digunakan mempunyai tautan antara satu ayat dengan



ayat yang lain (kohesi) dan mempunyai perkaitan antara satu perenggan dengan perenggan yang lain (koheren). Penggunaan bahasa melalui tulisan ataupun lisan perlulah mempunyai kesinambungan antara satu idea dengan satu idea yang lain. Selain itu, penggunaan bahasa perlu memperlihatkan wacana yang berkesan agar pendengar atau pembaca memahami isi atau hujah yang ingin dan akan disampaikan.

Penulisan Berasaskan Projek atau PBP merupakan kajian yang dilaksanakan oleh Yahya Othman dan Suzanawaty Osman merupakan satu inovasi untuk menguasai kemahiran menulis karangan. Penghasilan projek tersebut dapat dikaitkan dengan keupayaan murid mengemukakan idea yang kreatif dalam merangka reka bentuk dan penggunaan bahasa yang sesuai bagi memujuk mereka membaca. Oleh itu, dengan adanya kepelbagaian bahan, murid dapat dibantu dalam menulis dengan berkesan (Yahya dan Suzanawaty, 2014).

Bagi menghasilkan penulisan efektif, penguasaan sistem bahasa sangatlah penting. Lazimnya bahasa tulisan perlu lebih teratur daripada bahasa lisan (Norsimah Mat Awal *et al.*, 2012). Kurang kepelbagaian dalam pendekatan, kaedah, dan teknik semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru juga adalah antara punca yang menyebabkan murid kurang mahir menulis karangan (Yahya dan Suzanawaty, 2014).

Murid tidak perlu bergantung sepenuhnya terhadap pembelajaran bahasa di dalam kelas, tetapi boleh juga meningkatkan kemahiran menulis melalui pembacaan untuk meningkatkan kemahiran menulis mereka. (Norsimah Mat Awal *et al.*, 2012). Oleh itu, tidak dinafikan pentingnya pengetahuan berkaitan kohesi oleh murid untuk



menghasilkan karangan yang berkualiti dan sistematik susunannya (Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria, 2015).

Pembacaan boleh dilakukan dengan menggunakan bahan-bahan yang sedia ada untuk murid. Contohnya KOMSAS, bahan bacaan yang dapat dijadikan contoh untuk murid untuk penulisan ialah cerpen. Oleh itu, kohesi dan koheren dalam cerpen KOMSAS perlu diberi penelitian oleh pengkaji. Melalui pembacaan teks-teks sastera dalam subjek Bahasa Melayu, murid dapat meneladani nilai-nilai murni dan menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan kohesi dan koheren.

Nik Safiah (2002), menyatakan bahawa bahan pengajaran amat berguna dalam pengajaran bahasa sama ada dalam konteks masyarakat penuturnya mahupun sistem bahasa itu sendiri. Penggunaan teks KOMSAS bagi genre cerpen dapat berperanan sebagai pencetus penjanaan idea dalam kalangan murid, khususnya berkaitan dengan karangan, jenis cereka (Abdul Rasid Jamian et al, 2011). Pentingnya kajian analisis cerpen kerana cerpen juga dapat memberikan impak positif terhadap penulisan karangan murid. Penggunaan cerpen yang mempamerkan pelbagai maklumat tentang sosiobudaya mampu merangsang minat murid dalam mencerna pemikiran dan diluahkan melalui penulisan yang kreatif (Abdul Rasid Jamian et al, 2011). Oleh itu, dalam konteks pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu, kajian aspek kohesi dan koheren dalam cerpen KOMSAS penting dilaksanakan. Hal ini adalah untuk meneliti unsur-unsur penting bahasa iaitu pertautan dan runtutan dalam teks cerpen untuk melihat kekuatan bahan tersebut.

Salah satu model yang mengandungi penelitian kohesi dan koheren ialah model Analisis Wacana Kritis (AWK). Analisis Wacana Kritis merupakan usaha dan



proses memberikan penjelasan tentang sesuatu teks yang hendak dikaji oleh seseorang atau kumpulan dominan. Hal ini bermaksud, dalam sebuah konteks perlu diketahui kepentingannya. Di sebalik wacana tersebut, terdapat maksud dan gambaran yang ingin dinyatakan kepentingannya. Analisis wacana yang dimaksudkan dalam penulisan ini ialah pengungkapan maksud tersembunyi daripada subjek iaitu penulis yang mengemukakan sesuatu pernyataan.

Teun Van Dijk (1998), menyatakan bahawa Analisis Wacana Kritis digunakan bagi menganalisis wacana-wacana kritis seperti politik, kaum, jantina, kelas sosial, dan lain-lain. Fairclough (1989, 1995), menyatakan bahawa Analisis Wacana Kritis yang dibangunkan ini terikat kepada tiga dimensi sebuah wacana kritis, iaitu teks, praktis wacana, dan praktis sosial. Ketiga-tiga dimensi ini memerlukan proses analisis yang berbeza bagi setiap satunya. Sebuah teks (atau objek) sama ada lisan, bertulis, dan visual akan dianalisis dahulu secara deskriptif. Fairclough (1997), meringkaskan prinsip-prinsip pendekatan Analisis Wacana Kritis seperti berikut:

- i. Membincangkan masalah-masalah sosial
- ii. Mendedahkan budaya dan masyarakat
- iii. Bersifat ideologi
- iv. Bersifat sejarah
- v. Mendedahkan hubungan antara teks dan masyarakat
- vi. Bersifat pentafsiran dan penerangan

Dalam sebuah teks juga perlunya penekanan pada makna. Analisis Wacana Kritis Fairclough mengetengahkan dua unsur utama iaitu tautan (kohesi) yang

dikenali sebagai Dimensi Tekstual dan runtutan (koheren) yang dikenali sebagai Dimensi Amalan Wacana. Daripada dua unsur ini, terdapat beberapa aspek yang dianalisis lagi di bawah unsur ini. Sesebuah teks akan lebih bermakna dan memberi nilai tambah pengetahuan dari segi tekstual dan makna kepada pembaca sekiranya semua aspek daripada unsur ini terdapat dalam sesebuah teks tersebut. Oleh itu, analisis cerpen menggunakan Analisis Wacana Kritis Teori Fairclough juga dapat mengemukakan kerelevanan sesuatu teks itu digunakan kepada murid.

1.4 Objektif Kajian

Berikut merupakan tiga objektif kajian dalam kajian ini:

- i. Mengenal pasti aspek kohesi dan koheren dalam cerpen buku *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul* dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough.
- ii. Menghuraikan kekuatan dan kelemahan aspek kohesi dan koheren dalam cerpen buku *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul* menggunakan model Fairclough.
- iii. Membandingkan kekuatan dan kelemahan aspek kohesi dan koheren antara cerpen dalam buku *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul* dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough.

1.5 Soalan Kajian

Berikut merupakan enam soalan kajian ini;

- i. Apakah aspek kohesi dalam cerpen *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul* dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough?
- ii. Apakah aspek koheren dalam cerpen *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul* dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough?
- iii. Apakah kekuatan dan kelemahan aspek kohesi dalam cerpen *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul* dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough?
- iv. Apakah kekuatan dan kelemahan aspek koheren dalam cerpen *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul* dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough?
- v. Apakah perbandingan kekuatan dan kelemahan aspek kohesi antara cerpen dalam buku *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul* dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough?
- vi. Apakah perbandingan kekuatan dan kelemahan aspek koheren antara cerpen dalam buku *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul* dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough?